

## Karya-Karya Berkennaan Ringkasan Tafsir Al Quran: Suatu Sorotan

*[An Overview of Works on Summarized Quranic Interpretations]*

**Wafa Abdul Jabbar bin Shohibuddin** (*Corresponding author*)

*Jabatan Al-Quran Wa ‘Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa  
Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,  
wafa@kuips.edu.my*

**Muaz Bin Mohd Ghani Basri**

*Jabatan As-Sunnah Wa ‘Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa  
Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,  
muazghanibasri@kuips.edu.my*

**Mohamad Hafiz Bin Darpen**

*Jabatan As-Sunnah Wa ‘Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa  
Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,  
hafzdarpen@kuips.edu.my*

**Article  
Progress:**

**Submission date:**

**1 Dec 2024**

**Accepted date:**

**20 Dec 2024**

### **ABSTRACT**

*This study aims to review previous works related to summarized Quranic exegeses, with a specific focus on the methodologies and approaches used by scholars in producing interpretations that are concise and easy to understand. The review highlights various exegetical works designed to facilitate reading and comprehension of the Quran, particularly for readers who lack the opportunity to delve into more detailed and technical interpretations. This article also discusses the critical role of summarized exegeses in disseminating Quranic knowledge to the general public, as well as the differences in writing styles, thematic approaches, and interpretative methods used in such works. The study presents an overview of works related to summarized Quranic exegeses. The research employs a qualitative method, with data collected through a library-based study. The findings indicate that the works on summarized Quranic exegeses adopt diverse methodological approaches. This research provides a comprehensive overview of the evolution of summarized Quranic exegeses and highlights potential avenues for further research in the context of contemporary interpretations.*

**Keywords:** Quranic, summarized, methodology, interpretations.

## PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan pembimbing manusia dari kegelapan kesesatan menuju cahaya kebenaran. Tujuan ini hanya dapat direalisasikan melalui penghayatan maksud al-Quran, kerana pengajaran dari ayat-ayat al-Quran tidak akan difahami tanpa penghayatan tersebut. Oleh itu, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikan makna al-Quran kepada para sahabat agar mereka dapat mengambil pengajaran dan beramal dengan isi kandungannya. Allah SWT berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْدِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَعَمَّدُونَ

Maksudnya:

“Kami turunkan kepadamu Al-Quran, agar engkau menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan”. (Sūrah al-Nahl: 44)

Kajian ini membentangkan sorotan karya-karya berkaitan ringkasan tafsir al-Quran yang ada. Penulis membawakan metodologi-metodologi yang berbeza dan keunikan pada karya-karya ini dalam memperkenalkan kita-kitab yang berkaitan dengan tafsir al-Quran yang ditulis dengan cara yang ringkas dan mudah untuk difahami masyarakat muslim di Malaysia khususnya dan masyarakat di nusantara umumnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data dari sumber kepustakaan dan analisis dokumen. Sumber data yang digunakan termasuk teks al-Quran al-Karim, penulisan bibliografi, artikel, jurnal, tesis, dan bahan penulisan yang relevan. Tujuan kajian adalah untuk menyoroti karya-karya dalam penulisan kitab yang berkaitan dengan tafsir ringkas.

### Fasa 1: Pengumpulan Data

- Proses pengumpulan data dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan.
- Bahan-bahan yang dikaji termasuk kitab tafsir yang ringkas, artikel jurnal, buku-buku ilmiah, dan laporan penyelidikan yang relevan.
- Penyelidik menumpukan kepada karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh para ulama dalam pelbagai tradisi keilmuan Islam, khususnya yang menekankan pendekatan ringkas dan mudah difahami.

**Fasa 2: Pengelasan dan Analisis Data**

- Bahan yang dikumpulkan diklasifikasikan berdasarkan kategori seperti gaya penulisan, pendekatan metodologi, dan tujuan karya tafsir tersebut.
- Analisis dijalankan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara pelbagai karya tafsir ringkas.
- Teknik analisis kandungan digunakan untuk menilai bagaimana pendekatan dan metodologi dalam ringkasan tafsir berubah mengikut konteks zaman dan keperluan pembaca.

**Fasa 3: Penilaian Kritis**

- Karya-karya tafsir yang dikenal pasti dianalisis secara kritis untuk menilai kekuatan, kelemahan, dan sumbangan mereka terhadap perkembangan tafsir al-Quran.
- Penilaian ini melibatkan pemerhatian terhadap kesesuaian pendekatan dengan matlamat meringkaskan tafsir untuk pembaca awam.
- Sorotan diberikan kepada aspek tematik, kejelasan bahasa, dan penggunaan kaedah penafsiran yang relevan.

**Fasa 4: Penulisan dan Penemuan**

- Hasil daripada analisis dalam tiga fasa sebelumnya disusun dalam bentuk laporan yang sistematik.
- Penulisan laporan merangkumi perbincangan tentang evolusi karya tafsir ringkas, sumbangan karya-karya tersebut kepada masyarakat, serta cadangan untuk kajian lanjut dalam bidang.

**Definisi Ringkasan Tafsir Al-Quran**

Menurut Al-Jazairi, A. (1996), ringkasan Tafsir Al-Quran merujuk kepada sebuah penjelasan atau ulasan ringkas mengenai makna ayat-ayat Al-Quran berdasarkan sumber-sumber tafsir yang muktabar. Tafsir adalah kajian terhadap makna, maksud tersirat, dan konteks ayat-ayat Al-Quran dengan mengambil kira latar belakang sejarah, kebudayaan, bahasa, dan hukum-hakam Syariah. Tafsir Al-Quran yang diringkaskan bertujuan memudahkan pemahaman pembaca awam tanpa menjelaskan keaslian dan maksud asal teks Al-Quran.

## Pembagian Dalam Menerangkan Jenis-Jenis Ringkasan Tafsir Al-Quran

Dalam menerangkan berkenaan bahagian ini, pengkaji membahagikan kepada dua bahagian:

### Pertama: Meringkaskan kitab tafsir al-Quran daripada kitab tafsir utama.

Metode peringkasan kitab tafsir ini adalah dengan cara seorang ahli ilmu mahupun pengarang kitab, memilih sebuah kitab induk yang panjang serta berjilid-jilid dalam sesuatu bidang ilmu, lalu meringkaskannya dengan cara memadam sebarang pengulangan mahupun bahagian yang dianggap tidak bermanfaat. Ia juga dilakukan dengan maksud memperbaiki bahagian yang difikirkan perlu diperbaiki atau diubah serta membuat sedikit penambahan di beberapa bahagian yang dirasakan sesuai. Ini adalah bentuk peringkasan yang kebanyakannya berlaku dalam kitab-kitab tafsir Al-Quran. (Al-'Umariy, 2014).

### Kedua: Kitab-kitab tafsir al-Quran yang ditulis secara ringkas.

Metode ini pula digunakan dengan cara tidak menyandarkan kepada mana-mana kitab tafsir secara khusus, ianya ditulis setelah pembacaan dan kajian daripada pelbagai kitab-kitab tafsir al-Quran lalu diringkaskan dalam satu kitab tafsir, tujuannya adalah untuk memudahkan orang awam dan juga pelajar-pelajar yang baru hendak mengenal ilmu tafsir. (Al-Umariy, 2014).

## Kepentingan Tafsir Ringkas

### 1. Memudahkan Pemahaman

Salah satu kepentingan utama tafsir ringkas adalah membantu umat Islam memahami makna ayat-ayat Al-Quran dengan cara yang lebih mudah dan jelas. Tafsir ringkas seperti Tafsir Al-Muyassar dirancang untuk memberi penerangan yang tidak terlalu rumit, menjadikannya mudah diikuti oleh mereka yang kurang mahir dalam Bahasa Arab klasik atau yang tidak berpengalaman dalam kajian tafsir yang mendalam. Ini penting dalam konteks kehidupan seharian, di mana umat Islam memerlukan panduan yang cepat dan tepat untuk memahami dan menghayati maksud sebenar wahyu ilahi tanpa memerlukan masa yang panjang untuk mengkaji secara mendalam. (Al-Jazairi, 1996).

Selain itu, tafsir ringkas juga memberikan akses yang lebih cepat kepada makna ayat-ayat yang mungkin sukar difahami oleh golongan awam. Misalnya, ayat-ayat Al-Quran yang menggunakan bahasa kiasan, simbolik, atau merujuk kepada peristiwa sejarah tertentu boleh dijelaskan dengan lebih ringkas dan padat. Oleh itu, tafsir seperti ini memainkan peranan penting dalam membolehkan semua lapisan masyarakat memahami Al-Quran tanpa memerlukan pengajian tinggi, selari dengan tujuan Al-Quran sebagai panduan hidup bagi semua umat Islam.

## 2. Menggalakkan Penghayatan Al-Quran

Tafsir ringkas juga sangat penting dalam menggalakkan penghayatan terhadap ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian umat Islam. Dengan penjelasan yang lebih mudah difahami, ia memudahkan umat Islam untuk mengaplikasikan nilai-nilai yang terkandung dalam Al-Quran ke dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, tafsir ringkas dapat memberikan penjelasan yang jelas tentang konsep-konsep moral, etika, dan hukum Islam yang diperlukan dalam membuat keputusan dalam kehidupan seharian. Ini menjadikan tafsir ringkas salah satu cara yang penting dalam memastikan Al-Quran terus menjadi panduan yang relevan dalam konteks moden (Zulkifli, 2019).

Lebih utama, tafsir ringkas dapat mengurangkan halangan untuk memahami Al-Quran bagi individu yang mungkin tidak mempunyai masa atau sumber untuk mendalami kajian tafsir turath yang lebih terperinci. Dalam konteks dunia moden yang serba pantas, penjelasan yang mudah difahami membolehkan individu mendekati Al-Quran secara lebih dekat dan menghayatinya dengan cara yang lebih praktikal. Ini dapat mengukuhkan ikatan umat Islam dengan Al-Quran, lalu mempertingkatkan penghayatan terhadap Islam.

## 3. Rujukan Akademik yang Praktikal

Dalam dunia akademik, tafsir ringkas berfungsi sebagai rujukan yang sangat praktikal. Bagi pelajar dan penyelidik yang memerlukan pemahaman segera tentang kandungan ayat-ayat tertentu dalam Al-Quran, tafsir yang ringkas dan jelas memudahkan mereka memperoleh maklumat yang diperlukan tanpa harus menyelami perincian tafsir turath yang mungkin memakan masa. Ini amat berguna terutamanya dalam kajian yang melibatkan perbandingan teks agama, kajian undang-undang Syariah, atau kajian sosiologi berkaitan umat Islam (Ibrahim, 2020).

Selain itu, tafsir ringkas juga membantu dalam penyelidikan antara disiplin-disiplin ilmu yang lain, di mana para penyelidik mungkin tidak mengkhususkan diri dalam kajian tafsir tetapi memerlukan pemahaman umum tentang ayat-ayat Al-Quran. Sebagai contoh, dalam kajian pendidikan Islam atau psikologi Islam, tafsir ringkas menyediakan panduan segera tentang bagaimana ayat-ayat Al-Quran boleh diaplikasikan dalam konteks kajian tersebut. Ini membolehkan Al-Quran digunakan sebagai sumber utama dalam kajian akademik dengan cara yang lebih efisien dan relevan.

#### **4. Menyokong Penyelidikan Multidisiplin**

Tafsir ringkas juga penting dalam menyokong penyelidikan multidisiplin yang melibatkan pelbagai bidang ilmu. Sebagai contoh, dalam kajian undang-undang Islam, tafsir ringkas dapat memberikan panduan segera tentang ayat-ayat yang berkaitan dengan prinsip-prinsip Syariah, tanpa memerlukan kajian terperinci yang biasanya diperlukan dalam tafsir klasik. Begitu juga, dalam kajian sosiologi Islam atau psikologi Islam, tafsir ringkas membantu penyelidik memahami konteks ayat-ayat yang relevan dengan topik kajian mereka dengan cepat dan tepat (Khan, 2021).

Dalam konteks kajian multidisiplin, tafsir ringkas juga membantu penyelidik yang mungkin tidak mempunyai latar belakang mendalam dalam pengajian Islam tetapi memerlukan pemahaman asas tentang makna Al-Quran. Ini menjadikan tafsir ringkas sebagai alat penting dalam memperluas penggunaan Al-Quran sebagai sumber rujukan dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk sains sosial, pendidikan, dan ekonomi. Oleh itu, tafsir ringkas tidak hanya berfungsi dalam kajian agama tetapi juga dalam kajian moden yang memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh.

#### **5. Memelihara Maksud Asal dengan Penjelasan Sederhana**

Walaupun ringkas, tafsir ini tetap berpegang kepada makna asal ayat-ayat Al-Quran. Ini memastikan bahawa mesej yang disampaikan tidak terpesong daripada maksud sebenar yang dikehendaki oleh Allah SWT. Kepentingan ini sangat jelas dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, di mana tafsir yang ringkas tetapi tepat dapat membantu mengelakkan kesalahfahaman atau penyelewengan dalam memahami teks Al-Quran. Tafsir ringkas, dengan memberikan penjelasan yang lebih mudah dan padat, memastikan umat Islam tidak terkeliru dengan pelbagai tafsiran yang terlalu rumit atau panjang lebar (Al-Jazairi, 1996).

Ini juga penting dalam konteks pendidikan Islam formal, di mana pelajar perlu memahami intipati ayat-ayat Al-Quran dengan cara yang paling jelas dan tepat. Tafsir ringkas membantu para pendidik dalam menyampaikan mesej yang jelas kepada pelajar tanpa membebankan mereka dengan kajian yang terlalu mendalam, tetapi pada masa yang sama tidak mengabaikan makna dan tujuan asal teks. Dengan demikian, tafsir ringkas berfungsi sebagai alat pendidikan yang berkesan dalam memastikan pengajaran yang seimbang antara kejelasan dan ketepatan.


## 6. Aksesibiliti kepada Umat Islam Sedunia

Satu lagi kepentingan utama tafsir ringkas adalah kemudahannya diakses oleh umat Islam di seluruh dunia. Tafsir ringkas sering diterjemahkan ke pelbagai bahasa, termasuk bahasa Melayu, Inggeris, Urdu, dan lain-lain, menjadikannya lebih mudah difahami oleh pelbagai komuniti Islam yang mempunyai latar belakang bahasa dan budaya yang berbeza. Ini memastikan bahawa mesej Al-Quran dapat sampai kepada umat Islam global tanpa halangan bahasa yang besar (Zulkifli, 2019).

Lebih-lebih lagi, tafsir ringkas membantu umat Islam yang tinggal di negara-negara bukan Islam atau yang berada dalam komuniti minoriti, di mana akses kepada ulama atau institusi pengajian Islam mungkin terhad. Dengan adanya tafsir dalam pelbagai bahasa, umat Islam dari pelbagai latar belakang dapat memahami ajaran Al-Quran dengan lebih mudah dan menghayati nilai-nilainya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini menjadikan tafsir ringkas satu alat penting dalam menyebarkan ajaran Al-Quran secara global.

### Sorotan Karya-Karya Dalam Tafsir Ringkas


#### 1. Al-Wajīz Fī Tafsīr Al-Kitāb Al-‘Azīz



Kitab tafsir ini telah ditulis oleh Abu al-Hasan Ali bin Ahmad al-Wahidi, beliau meninggal dunia pada tahun 468H. Kitab ini adalah diantara ringkasan tafsir al-Quran yang paling mudah difahami


dan terawal ditulis, ianya ditulis berdasarkan permintaan para murid al-Wahidi yang menginginkan sebuah kitab yang mudah dan ringkas serta hanya menyebut satu pendapat mengenai maksud ayat-ayat al-Quran yang asalnya mempunyai pelbagai tafsiran pendapat. Beliau segera memenuhi permintaan mereka dengan menganjurkan kitab ini. Kajian yang dilakukan oleh Safwan Da'udi berkenaan kitab ini yang akhirnya diterbitkan oleh Dar al-Qalam adalah cetakan yang disyorkan untuk kitab ini.

## 2. Kifayah al-Dhu'afā Al-Sūdāni




Kitab ini ditulis oleh Abdullah Fudi dari Nigeria yang meninggal dunia pada tahun 1245H, beliau hanya menulis tafsiran yang ringkas dan juga mudah difahami, kitab ini ditulis dengan bersandarkan bacaan riwayat Imam Warsh daripada Nafi' dalam isu kepelbagaiannya bacaan al-Quran, serta pendapat Malik dalam isu-isu fiqh. Kitab ini bebas daripada perbahasan yang panjang. Gaya bahasanya mudah dan senang difahami, ia telah dicetak pada bahagian tepi mushaf berdasarkan riwayat Warsh.

3. Taufiq al-Rahmān Fī Durūs al-Qurān.




Kitab ini telah ditulis oleh Sheikh Faisal bin Abdul Aziz bin Faisal Ali Mubarak. Kitab ini bermula daripada kuliah-kuliah yang disampaikan oleh pengarang di masjid yang kemudiannya dikumpulkan lalu dibukukan. Dalam penulisan kitab ini, beliau merujuk kepada beberapa penulis kitab tafsir seperti al-Tabari, al-Baghawi, Ibn Kathir dan lain-lain. Gaya bahasa yang digunakan mudah, penyusunan yang baik serta boleh dibaca serta difahami dengan mudah oleh mereka yang baru hendak mula belajar berkenaan ilmu tafsir. Kitab ini telah dicetak dalam edisi kedua oleh Dar al-Asimah di Riyadh.

## 4. Safwah Al-'Irfān




Kitab ini ditulis oleh Muhammad Farid Wajdi pada tahun 1321H, ianya merupakan tarikh cetakan pertama kitab ini disempurnakan. Tujuan asal beliau menulis kitab tafsir ini adalah sebagai rujukan untuk dirinya sendiri yang ditulis pada bahagian tepi mushaf, beliau menjadikan beberapa kitab induk dalam penulisannya. Akan tetapi, apabila beliau mendapati orang awam memerlukan tafsir ini maka kitab ini akhirnya diterbitkan. Kitab tafsir ini dianggap sebagai salah satu kitab tafsir yang pertama ditulis pada bahagian tepi mushaf tanpa melebihi jumlah halaman mushaf. Gaya bahasa yang digunakan mudah untuk difahami. Adapun metodologi penulisan kitab ini adalah penulis memulakan sesuatu tafsiran ayat dengan menyebut makna perkataan-perkataan terlebih dahulu kemudian beliau menjelaskan makna keseluruhan ayat dengan ungkapan yang ringkas dan mudah untuk difahami.

## 5. Al-Tafsīr al-Wajīz Li Kitābillah al-‘Azīz




Kitab ini pula telah ditulis oleh Usamah Abdul Karim al-Rifa'i. Beliau adalah salah seorang ulama semasa daripada Syria, beliau merupakan anak kepada Syeikh Abdul Karim al-Rifa'i yang terkemuka. Dalam kitab ini, beliau hanya menjelaskan makna ayat-ayat al-Quran dengan ungkapan yang ringkas dan mudah difahami pada bahagian tepi mushaf, beliau tidak mentafsirkan perkataan-perkataan al-Quran yang sudah jelas. Beliau juga menggunakan hadith-hadith yang berkaitan dalam menjelaskan ayat-ayat dalam halaman berkaitan untuk memberi kefahaman kepada para pembaca berkenaan tafsiran nabi terhadap ayat-ayat tersebut.

## 6. Al-Muntakhab Fi Tafsīr Al-Qurān Al-Karīm




Kitab ini telah disempurnakan penulisannya oleh beberapa ulama dari Universiti Al-Azhar, Mesir dibawah seliaan Lajnah Al-Quran dan Sunnah, Kementerian Hal Ehwal Islam, Mesir. Para penulis telah memberikan penjelasan ringkas bagi setiap ayat yang ditafsirkan dalam kitab ini. Metodologi penulisan adalah para penulis menjelaskan makna-makna ayat al-Quran pada bahagian tepi mushaf dengan mengambil kira ketepatan ungkapan. Secara keseluruhannya ia adalah salah satu kitab tafsir ringkas yang baik.

## 7. Al-Wajiz Fi Tafsir Al-Qur'an Al-Karim




Pengarang kitab tafsir ini adalah seorang ahli sastera yang terkenal iaitu Dr. Shauqi Daif. Kitab tafsir ini menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami, di mana beliau mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan ungkapan yang ringkas. Dalam menulis kitab ini, beliau telah merujuk beberapa kitab-kitab tafsir utama dan kemudian menulis semula tafsir tersebut dengan gaya bahasa sasteranya yang indah. Tafsir ini juga mengandungi tambahan dan penemuan yang halus serta menarik.

## 8. Al-Tafsīr Al-Mukhtasar Al-Sahih




Kitab tafsir ini mengandungi ringkasan makna ayat al-Quran yang padat, di mana pengarangnya menumpukan kepada tafsiran salaf dari kalangan sahabat, tabi'in, dan lain-lain. Beliau menjelaskan dalam mukadimah kitabnya ini berkenaan penggunaan simbol-simbol untuk merujuk kepada nama-nama salaf dan tafsiran mereka. Pengarang juga memberikan perhatian khusus kepada pengumpulan tafsiran salaf, yang jelas terlihat dalam tafsirnya. Gaya bahasanya mudah difahami dan ia dicetak pada bahagian tepi mushaf.

## 9. Al-Tafsīr al-Manhaji



Kitab tafsir ini sesuai untuk diajarkan di institut-institut dan sekolah-sekolah, di mana ia dibahagikan kepada bentuk pelajaran dengan penjelasan mengenai makna perkataan yang sukar, kemudian tafsiran keseluruhan ayat-ayat dengan ungkapan yang mudah dan ringkas, diikuti dengan soalan, aktiviti, dan penilaian untuk melihat kefahaman pembaca. Kitab ini dikeluarkan oleh sekumpulan pensyarah tafsir di Jordan.

## 10. Tafsīr Al-Muyassar



Tafsir ini diterbitkan oleh Majma' Malik Fahd di Madinah al-Munawwarah ketika Sheikh Dr. Abdullah bin Abdul Mohsin al-Turki menjawat jawatan menteri, yang mana beliau juga dipercayai sebagai pencetus ideanya. Beberapa ilmuwan turut terlibat dalam penyusunan tafsir ini, antaranya Dr. Abdul Aziz Ismail, Dr. Hikmat Bashir Yasin, dan Dr. Muhammad bin Abdul Rahman al-Sayyid, di bawah penyeliaan Dr. Abdullah al-Turki. Tafsir ini diterbitkan dengan tajuk "Disediakan oleh Sekumpulan Ulama," dan telah dicetak dalam edisi kedua yang mengandungi pembetulan terhadap beberapa catatan.

Tafsir ini adalah penjelasan menyeluruh dengan gaya bahasa yang sangat mudah, sesuai untuk pembaca pemula yang ingin memahami maksud ayat-ayat al-Quran secara mudah ketika membacanya di bahagian tepi mushaf. Tafsir ini merupakan antara tafsir ringkas yang terbaik.

## ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

No.	Judul Kitab	Penulis	Metodologi Tafsir	Ciri-ciri Khas
1	Al-Wajīz Fī Tafsīr Al-Kitāb Al-‘Azīz	Abu al-Hasan Ali bin Ahmad al- Wahidi	Ringkas dengan satu pendapat untuk setiap ayat. Ditulis berdasarkan permintaan murid yang menginginkan tafsir mudah.	Dianggap salah satu tafsir ringkas terawal, menggunakan bahasa sederhana dan mudah difahami.
2	Taufīq al- Rahmān Fī Durūs al-Qurān.	Abdullah Fudi	Berdasarkan bacaan Warsh daripada Nafi', tanpa perbahasan panjang. Merujuk kepada pandangan Malik dalam isu fiqh.	Dicetak di tepi mushaf dengan riwayat Warsh; bahasa mudah dan sesuai untuk pemula.
3	Taufiq al- Rahmān Fi Durus al-Quran	Sheikh Faisal bin Abdul Aziz bin Faisal Ali Mubarak	Berdasarkan kuliah di masjid. Menggunakan rujukan dari tafsir utama seperti al-Tabari, al- Baghawi, dan Ibn Kathir.	Bahasa mudah dan teratur; sesuai untuk pembelajaran pemula dalam ilmu tafsir.
4	Safwah al-‘Irfān	Muhammad Farid Wajdi	Dimulai dengan penjelasan makna perkataan, kemudian penafsiran ringkas keseluruhan ayat.	Dicetak di tepi mushaf; ditujukan untuk kemudahan rujukan oleh orang awam.
5	Al-Tafsīr al- Wajīz Li	Usamah Abdul Karim al-Rifa'i	Menjelaskan makna ayat dengan ringkas di tepi mushaf, menghindari	Menggunakan hadis dalam penafsiran ayat

No.	Judul Kitab	Penulis	Metodologi Tafsir	Ciri-ciri Khas
	Kitābillāh al-‘Azīz		tafsiran untuk perkataan yang jelas.	tertentu; berfokus pada makna dasar dan ringkas.
6	Al-Muntakhab Fi Tafsīr Al-Qurān Al-Karīm	Ulama Universiti Al-Azhar, Mesir	Penjelasan ringkas untuk setiap ayat di tepi mushaf, dengan ketelitian dalam ungkapan.	Disusun oleh Lajnah Al-Quran dan Sunnah, Kementerian Hal Ehwal Islam, Mesir.
7	Al-Wajīz Fi Tafsīr Al-Qurān Al-Karīm	Dr. Shauqi Daif	Ungkapan ringkas yang diambil dari rujukan tafsir utama; bahasa sastera dan menarik.	Terdapat tambahan penemuan dan pemerhatian menarik dari sudut bahasa.
8	Al-Tafsīr al-Mukhtasar al-Sahīh	Prof. Dr Hikmat Basyir Yaasin	Ringkasan tafsiran dari kalangan sahabat dan tabi'in; menggunakan simbol-simbol khusus untuk sumber salaf.	Dicetak di tepi mushaf; fokus pada tafsiran salaf yang padat dan mudah difahami.
9	Al-Tafsīr al-Manhajī	Sekumpulan pensyarah tafsir, Jordan	Disusun sebagai pelajaran dengan penjelasan makna perkataan sulit, disertai soalan dan penilaian.	Sesuai untuk institut pendidikan dan sekolah; pembelajaran aktif melalui soalan dan aktiviti.
10	Al-Tafsīr Al-Muyassar	Sekumpulan ulama di bawah penyeliaan Dr. Abdullah al-Turki, termasuk Dr. Abdul Aziz	Penjelasan menyeluruh dengan gaya bahasa mudah; sesuai untuk pembaca pemula. Tafsir dicetak pada bahagian tepi mushaf,	Menggunakan bahasa yang sangat mudah dan ringkas untuk memudahkan pemahaman pembaca terhadap maksud ayat al-Quran. Sesuai dijadikan

No.	Judul Kitab	Penulis	Metodologi Tafsir	Ciri-ciri Khas
		Ismail, Dr. Hikmat Bashir Yasin, dan Dr. Muhammad bin Abdul Rahman al-Syayyi'	menjadikannya mudah diikuti bersama teks al-Quran.	panduan untuk pemula dan sebagai tafsir tepi mushaf yang jelas dan mudah difahami.

## CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, penulis mencadangkan beberapa kajian yang boleh difokuskan kepada analisis mendalam terhadap penerimaan dan keberkesanan kitab-kitab tafsir ringkas dalam kalangan pembaca moden. Antara cadangan spesifik adalah seperti berikut:

### Kajian Empirikal terhadap Penerimaan Pembaca

- Menilai sejauh mana kitab-kitab tafsir ringkas seperti *Al-Tafsīr Al-Wajīz* dan *Taufīq al-Rahmān Fi Durūs Al-Qurān* diterima dan digunakan oleh pelbagai segmen pembaca seperti pelajar, guru, dan masyarakat awam.
- Kajian ini boleh menggunakan kaedah tinjauan soal selidik atau temu bual untuk mendapatkan pandangan pembaca mengenai keberkesanan pendekatan yang digunakan dalam tafsir-tafsir tersebut.

### Kajian Perbandingan Tematik

- Menganalisis persamaan dan perbezaan dalam pendekatan tematik antara tafsir-tafsir ringkas klasik seperti *Al-Wajīz Fi Tafsīr Al-Kitāb Al-Azīz* oleh al-Wāhidi dan tafsir moden seperti *Al-Tafsīr Al-Wajīz Li Kitābillāh Al-‘Azīz*.
- Fokus kajian ini adalah untuk memahami bagaimana perubahan zaman dan konteks masyarakat mempengaruhi metodologi dan pendekatan penulisan tafsir.

### Keberkesanan Tafsir Ringkas dalam Konteks Pendidikan

- Kajian ini boleh meneliti peranan tafsir ringkas sebagai bahan rujukan utama dalam pembelajaran ilmu al-Quran di institusi pendidikan moden.

- Penyelidikan boleh mengukur sejauh mana struktur dan pendekatan sistematik dalam tafsir seperti Al-Tafsīr al-Manhajī dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

### Penerokaan Metodologi Tafsir Digital

- Dengan perkembangan teknologi, kajian lanjutan boleh menilai bagaimana kitab-kitab tafsir ringkas boleh diintegrasikan dalam aplikasi digital dan platform pembelajaran dalam talian.
- Penyelidikan ini boleh meninjau impak penggunaan tafsir ringkas dalam format digital terhadap kefahaman al-Quran di kalangan pengguna moden.

## KESIMPULAN

Kajian terhadap kitab-kitab tafsir ringkas ini menunjukkan adanya variasi metodologi dan pendekatan dalam usaha meringkaskan tafsiran al-Quran agar mudah difahami oleh pelbagai peringkat pembaca. Secara keseluruhan, tafsir-tafsir ringkas ini berkongsi beberapa persamaan iaitu penekanan pada kesederhanaan bahasa, keringkasan penjelasan, dan penggunaan gaya penyampaian yang mudah untuk difahami. Ini menjadikan kitab-kitab tafsir tersebut lebih mudah diakses oleh orang awam dan pelajar yang baru mempelajari ilmu tafsir.

Pertama, tafsir seperti Al-Wajīz Fi Tafsīr Al-Kitāb Al-Azīz oleh al-Wāhidi dan Kifāyah al-Dhu’afa al-Sudani oleh Abdullah Fudi mewakili generasi awal tafsir ringkas yang memenuhi permintaan untuk penjelasan mudah tanpa perbahasan panjang. Sementara itu, tafsir seperti Taufiq al-Rahmān Fi Durūs Al-Qurān dan Al-Tafsīr al-Manhajī menunjukkan perkembangan ke arah penyusunan sistematik dan kaedah pengajaran yang merangkumi soalan serta aktiviti pembelajaran.

Selain itu, pendekatan para ulama semasa, seperti Usāmah Abdul Karīm al-Rifā’i dalam kitab Al-Tafsīr Al-Wajīz Li Kitābillāh Al-Azīz, menekankan keringkasan dengan hanya menerangkan ayat-ayat yang memerlukan penjelasan dan menghindari perincian terhadap kata-kata yang sudah jelas. Pendekatan ini didapati berkesan bagi pembaca yang ingin memahami maksud dasar ayat tanpa perlu melibatkan perbahasan yang rumit.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa kitab-kitab tafsir ringkas telah memainkan peranan penting dalam memperluaskan akses terhadap pemahaman al-Quran. Setiap kitab menyumbang kepada kepelbagaian cara menyampaikan tafsir yang sesuai dengan konteks pembacaan moden. Dengan ciri-ciri khas yang unik serta penerapan metodologi yang

bervariasi, kitab-kitab tafsir ini menawarkan pilihan yang relevan bagi pembaca yang mencari tafsiran al-Quran yang mudah difahami dan praktikal, sekaligus menjadikannya sebagai sumber rujukan yang signifikan dalam pembelajaran dan pengajaran al-Quran.

## RUJUKAN

- Al-Khattani, A.A. (2011). *Tafsir al-Muyassar*. Riyadh: Kementerian Urusan Islam.
- Roslan, M.F. (2019). Ringkasan Tafsir: Suatu Pendekatan Mudah dalam Memahami al-Quran. *Jurnal Ulum al-Quran*, vol. 7, no. 2, pp. 45-60.
- Al-Zarqani, M.A.A. (2001) *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah.
- Al-Jazairi, A. (1996). *Al-Muyassar fi Tafsir al-Quran al-Karim*. Kementerian Hal Ehwal Islam Arab Saudi.
- Ibrahim, A. (2020). *Tafsir Al-Quran dalam Perspektif Akademik: Kajian Multidisiplin*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Khan, M. Y. (2021). *Multidisciplinary Approach to Islamic Studies: A Comprehensive Guide*. Islamic Research Center.
- Zulkifli, M. (2019). *Penghayatan Al-Quran dalam Kehidupan Seharian: Perspektif Ringkasan Tafsir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al Wahidi, A.A. (1995). *Al-Wajīz Fi Tafsīr Al-Kitāb Al-Azīz*: Dar Al-Qalam.
- Al Najdi, F.A.A. (1996). *Taufīq al-Rahmān Fi Durūs al-Qurān*: Dar Al-‘Asimah, Arab Saudi.
- Al Rifa’ie, U.A.K. (1986). *Al-Tafsīr Al-Wajīz Li Kitabillāh Al-Azīz*: Muassasah Dar Al-Ulum, Kuwait.
- Dhaif, S. (2000). *Al-Wajīz Fī Tafsīr Al-Qurān Al-Karīm*: Dar Al-Maarif.
- Yasin, H.B. (2010). *Al-Tafsīr Al-Mukhtasar Al-Sahīh*: Dar Al-Maathir.
- Nukhbah Min Asātizah Al-Tafsīr. (2009). *Al-Tafsīr Al-Muyassar: Mujamma’ Malik Fahd*, Arab Saudi.

Al-Shihri, A.R. (2012). ‘Ardh Li Ba’dhi Al-Kutub Al-Mukhtasarah Fi Al-Tafsir: Al-Alukah.

[https://www.alukah.net/personal\\_pages/0/46784](https://www.alukah.net/personal_pages/0/46784)